

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)20

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

20. Ekonomi Pulau Pinang.

- (a) Apakah kesan ekonomi khususnya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk Negeri Pulau Pinang akibat wabak COVID-19?
- (b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan pendapatan, keberhasilan dan pertumbuhan ekonomi terus utuh dan stabil?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

20. (a) Wabak COVID-19 telah menjejaskan ekonomi negeri melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan serta penutupan sektor-sektor ekonomi yang berkenaan. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, KDNK Pulau Pinang bagi tahun 2019 dan 2020 adalah RM94,666 juta dan RM92,631 juta masing-masing. Perbandingan tahun 2019 dan 2020 menunjukkan bahawa KDNK Pulau Pinang telah menguncup sebanyak 2.1%.

Maklumat KDNK Pulau Pinang bagi tahun 2021 masih belum dikeluarkan.

(b) Inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan pendapatan, keberhasilan dan pertumbuhan ekonomi terus utuh dan stabil adalah seperti berikut:

(i) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan keseluruhan berjumlah RM191.22 juta untuk mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat pandemic COVID-19. Peruntukan ini merangkumi lima (5) fasa pelaksanaan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19) 2020-2021 berjumlah RM176.45 juta serta insentif tambahan tahun 2021 berjumlah RM14.77 juta.

(ii) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk

mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Di bawah PSERCC, enam (6) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu bagi Sektor Industri/SMI/SME/Peruncitan, Sektor Pasaran Tenaga Kerja, Sektor Perumahan, Sektor Infrastuktur dan Pengangkutan, Sektor Pelancongan dan Sektor Industri Makanan.

- (iii) Kerajaan Negeri secara berterusan berusaha untuk menarik pelabur asing bagi memulihkan sektor pelaburan dalam negeri. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang (*Penang Strategic Investment Advisory Council*) untuk memastikan perkembangan industri berterusan di Negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mewujudkan Majlis Penasihat Industri Pembuatan Pulau Pinang (*Penang Manufacturing Industry Advisory Council*) sebagai platform komunikasi antara agensi kerajaan

dengan pihak swasta mengenai situasi terkini mereka serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pengilang di Pulau Pinang. Pembangunan Taman Perindustrian Batu Kawan 2 (*Batu Kawan Industrial Park 2*) dan Batu Kawan Timur (*East Batu Kawan/BKIP3*) akan menambah jumlah kawasan perindustrian baru seluas 1,500 ekar dan dapat menarik pelaburan serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Kerajaan Negeri juga memberikan fasilitasi kepada pelabur baharu yang memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan untuk meningkatkan keyakinan pelabur untuk menambah pelaburan di Pulau Pinang.

- (iv) Pembangunan kawasan Projek PSR termasuk pembangunan di atas tiga pulau PSR bagi memacu ekonomi dan masa depan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri perindustrian dan pelancongan antarabangsa serta sebagai pemangkin ekonomi baru bagi Negeri Pulau Pinang. PSR bukan sahaja akan mewujudkan tapak pembangunan baru bagi

Pulau Pinang bagi tujuan industri, kediaman, perniagaan tetapi juga sebagai faktor tarikan pelancongan dengan produk baru bagi Pulau Pinang. PSR juga akan menjadi sumber dana bagi pembangunan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang terutamanya dalam pelaksanaan Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT) dari KOMTAR ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan seterusnya disambungkan ke PSR. Projek ini dijangka menarik pelaburan langsung asing bernilai kira-kira RM70 bilion dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM1.5 trilion serta mewujudkan lebih 300,000 peluang pekerjaan yang berkualiti menjelang tahun 2050 yang akan memanfaatkan bakat-bakat tempatan.